

Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai yang telah disediakan di dalam petak di bawah.

menyayangi	40 tahun	kasih sayang	mengajar	Ameenah
membaca buku	hijau	mengasuh	cantik	ahli perniagaan
hitam	bertanggungjawab	belajar	nasi lemak	membalas

IBU KESAYANGAN SAYA

Ibu ialah seorang insan yang telah melahirkan, _____ dan membesarkan kita. Kita, sebagai anak perlu _____ dan menghormati ibu. Saya mempunyai seorang ibu yang sangat saya sayangi.

Nama ibu saya ialah _____. Beliau berumur _____. Ibu saya berwajah _____ dan berkulit cerah. Rambutnya ikal mayang dan berwarna _____. Warna kegemaran ibu saya adalah _____ dan ibu suka _____ setiap hari. Makanan kegemaran ibu saya ialah _____. Ibu saya seorang _____. Walaupun ibu selalu sibuk tetapi dia pandai membahagikan masanya untuk saya dan keluarga. Kami selalu menghabiskan masa bersama.

Ibu saya seorang yang penyayang dan _____. Ibu menjaga dan mengasuh saya dengan penuh _____ seperti menatang minyak yang penuh. Ibu selalu membantu dan _____ saya jika saya mendapat kesukaran dalam membuat kerja sekolah. Oleh itu, saya akan _____ bersungguh-sungguh demi ibu dan masa depan saya.

Saya amat sayang kepada ibu saya. Saya akan _____ semua jasa ibu saya apabila di tua nanti.

